



SIARAN MEDIA

KPKT LULUS RM5.43 JUTA BAGI MENINGKATKAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN SOSIO EKONOMI PENDUDUK KUALA KANGSAR

KUALA KANGSAR, 4 Mei 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mengumumkan peruntukan **RM5.43 juta** bagi **pelaksanaan 21 projek** kepada penduduk Kuala Kangsar dalam lawatan kerja bersempena Program Sentuhan Kasih KPKT ke negeri Perak pada pagi ini.

Dalam lawatan tersebut, YB KM telah turun padang meninjau Projek Menaik Taraf dan Membaik Pulih Kolam Renang Majlis Perbandaran Kuala Kangsar serta Projek Menaik Taraf Longkang Konkrit di Kampung Baru Padang Rengas, Kuala Kangsar.

Sebanyak RM4.43 juta daripada peruntukan tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) bagi **pelaksanaan 16 projek melibatkan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur setempat, penyelenggaraan kolam tangkungan banjir dan projek sosioekonomi** yang menyumbang kepada kesejahteraan, keselesaan dan keselamatan rakyat.

Jumlah peruntukan ini turut meliputi RM1 juta bagi pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf Kolam Renang Majlis Perbandaran Kuala Kangsar melibatkan kerja-kerja memecah semula dan menggantikan jubin lantai dan dinding kolam dewasa yang rosak, memasang lapisan kalis lembap, membekal dan memasang penutup longkang FRP, membaik pulih wakaf dan sistem mekanikal rumah pam dan kerja-kerja penyelenggaraan tandas.

Dalam lawatan kerja tersebut, YB Menteri KPKT turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM993 ribu melalui Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di Daerah Kuala Kangsar bagi pelaksanaan lima (5) buah projek pembangunan setempat.

Menurut YB KM, “Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini adalah **belanjawan berasaskan prestasi** atau “*performance-based budget*”. Ini bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT dalam penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan di Daerah Kuala Kangsar demi keselesaan dan kesejahteraan penduduk setempat.”

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan PBT di seluruh negara bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

